

Annual Geological Conference 2004
Putra Palace, Kangar, Perlis
4-6 June 2004

Abstracts of Papers

**Pencirian landskap geologi untuk penilaian kepelbagaian:
Kajian kes Pulau Anak Datai**

IBRAHIM KOMOO & TANOT UNJAH
Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan

Pencirian landskap geologi untuk penilaian kepelbagaian memerlukan pendekatan pemetaan yang bersistem mengenai setiap rupabumi, unit-unit rupabumi dan fitur geologi dan geomorfologi. Kajian kes ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti dan mencari setiap komponen rupabumi dan fitur geologi dan geomorfologi bagi membolehkan rupabumi Pulau Anak Datai dinilai berasaskan kepelbagaian geologi dan nilai warisannya.